

UTUSAN 22 Ogos 2015
CTIMUR) m/s 31

50 kereta nasional sertai Konvoi Merdeka UMP

KUANTAN 21 Ogos - Lebih 50 pemilik kereta Perodua Alza dan Proton Saga dari MyAlza Owners Club serta Proton Saga BLM Owners Club menyertai Konvoi Merdeka sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-58 peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP) kelmarin.

Pelepasan peserta disempurnakan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim di Dataran Canselori universiti itu di Gambang, dekat sini yang mana mereka berkonvoi sejauh 30 kilometer ke Taman Kerang dengan mengibarkan Jalur Gemilang di sepanjang perjalanan.

Pengarah program, Wan Abd. Rashid Wan Abd. Rahman berkata, Konvoi Merdeka merupakan antara program yang dirancang UMP bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan negara.

"Ia merupakan program kerjasama melibatkan kelab kereta dalam menyemarakkan semangat menyambut bulan kemerdekaan selain merapatkan hubungan baik antara universiti dengan komuniti luar," katanya di sini.

Menurut Wan Abd. Rashid, sambutan bulan kemerdekaan peringkat UMP bermula sejak lebih seminggu lalu dengan pengibaran Jalur Gemilang di bangunan serta premis di universiti itu di samping penganjuran pelbagai program bagi tujuan tersebut.

Katanya, antara program yang diatur adalah pertandingan kereta berhias menggunakan corak dan warna Jalur Gemilang, pertandingan menghias pejabat, Kayuhan Merdeka dan Jejak Pahlawan Merdeka.